



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Pensyarah wanita rugi RM260,000
Publication/Portal: Kosmo
Date: 4 June 2018

Language: Malay
Section: Negara
Page: 19

Duit simpanan mangsa selama 20 tahun lesap ditipu sindiket Macau Scam

Pensyarah wanita rugi RM260,000

Oleh IZYAN LIYANA MOHD. DARIF

KOTA KINABALU – Seorang pensyarah wanita dari sebuah universiti awam di sini mengalami kerugian sebanyak RM260,000 selepas wang simpanannya lesap akibat ditipu sindiket Macau Scam pada 21 Mei lalu.

Lebih menyedihkan apabila wang tersebut merupakan wang simpanan mangsa selama 20 tahun iaitu sejak dia berkhidmat di pusat pengajian tersebut.

Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Asisten Komisioner M. Chandra berkata, mangsa yang berusia 48 tahun telah meneri-



CHANDRA

ma satu sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) daripada nombor 68886 yang memaklumkan bahawa kad kredit CIMB miliknya telah digunakan di Lapangan Terbang Senai, Johor Bahru pada 21 Mei lalu.

Bagaimanapun, dalam tempoh itu, mangsa tidak melakukan sebarang transaksi bank mahupun berada di lapangan terbang terbabit.

“Seterusnya, mangsa menghubungi talian 1-800-81-7399 yang tertera dalam SMS itu dan dijawab individu (suspek) yang memperkenalkan diri sebagai pegawai bank CIMB dan memaklumkan bahawa akaun bank miliknya akan disekat.



Di Maybank cawangan Alam Mesra inilah mangsa telah melakukan pemindahan transaksi sebanyak RM260,000.

“Panik dengan situasi tersebut, wanita itu menuruti arahan ‘pegawai bank’ terbabit supaya menghubungi pegawai penyiasat

kononnya wakil dari Bank Negara Malaysia (BNM),” katanya di sini semalam.

Tambah M. Chandra, selepas

itu suspek telah mengarahkan mangsa ke Maybank cawangan Alam Mesra dekat sini untuk proses membekukan akaun bank miliknya.

“Pada masa sama, suspek turut meminta mangsa memin-dahkan wang ke dalam empat akaun berbeza sebelum proses pembekuan akaun dilakukan.

“Mangsa yang akur, segera membuat transaksi sebanyak RM260,000 ke dalam akaun-akaun berkenaan secara berperingkat bermula pada 21 hingga 28 lalu,” katanya.

Mangsa bagaimanapun mula menyedari dirinya telah ditipu oleh mangsa selepas gagal menghubungi pegawai terbabit.

Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.